Kolej Komuniti Teluk Intan, Perak

alphachannel_0@yahoo.com.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perhubungan di antara tiga faktor iaitu keyakinan diri, sikap terhadap teknologi multimedia dan pencapaian akademik pelajar bagi program Animasi 3D. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan input terkini tahap kondisi mental pelajar, persepsi pelajar terhadap teknologi multimedia serta pencapaian pelajar dalam program Animasi 3D. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara persampelan bertujuan yang melibatkan 46 orang pelajar semester 2 hingga semester 4 yang sedang mengikuti program Sijil Animasi 3D di Kolej Komuniti Teluk Intan. Kajian rintis telah dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan statistik Cronbach Alpha. Analisis data dibuat secara deskriptif seperti min, peratus, sisihan piawai dan kekerapan sementara statistik inferensi seperti Korelasi Pearson serta kaedah Regresi berganda digunakan untuk melihat hubungan antara faktor yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap kondisi mental yang baik dan memberikan persepsi yang positif terhadap teknologi multimedia. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara faktor keyakinan diri dan sikap terhadap teknologi multimedia dengan pencapaian akademik pelajar. Implikasi kajian menunjukkan keyakinan diri dan sikap terhadap teknologi multimedia yang positif akan menyumbang kepada pencapaian akademik yang baik di kalangan pelajar Sijil Animasi 3D.

Kata kunci: Keyakinan diri, Sikap terhadap teknologi multimedia, Pencapaian akademik & Program animasi 3D



009:

Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat Dalam Memenuhi Keperluan Pekerjaan

Maifuza Bt Mohd Amin

Kolej Komuniti Hulu Langat

maifuza.amin@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kebolehpasaran pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL) semasa menjalani latihan perindustrian selama 4 bulan pada sesi Julai 2018. Pelajar yang menjalani latihan perindustrian ini merupakan pelajar daripada program Sijil Penyejukkan dan Penyamanan Udara, Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Pengoperasian Perniagaan. Sampel kajian adalah terdiri daripada wakil majikan yang menyediakan latihan perindustrian kepada 104 orang pelajar. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dan deskriptif dengan menggunakan satu set soal selidik mengandungi 3 bahagian utama iaitu Bahagian 1: Butiran Peribadi dan Pengajian Pelajar; Bahagian 2: Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar; Bahagian 3: Pengesahan dan Maklumat Majikan. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 22. Statistik skor min digunakan bagi mengukur tahap kebolehpasaran pelajar tersebut. Hasil analisis mendapati pelajar KKHL mempunyai tahap kebolehpasaran yang sangat tinggi iaitu 4.4308 untuk kemahiran teknologi, 4.3429 untuk peraturan keselamatan dan amalan baik dan 4.3212 untuk kemahiran komunikasi. Ini menunjukkan bahawa pelajar KKHL telah bersedia untuk menjalani alam pekerjaan seterusnya memenuhi keperluan tenaga buruh.

Kata kunci: Kemahiran teknologi, Peraturan keselamatan dan amalan baik, keyakinan diri dan kemahiran komunikasi



010:

Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (Popbl) Dalam Kursus Pemasaran Perkhidmatan Di Politeknik Port Dickson

Damaisari Binti Mohd Nawi

Politeknik Port Dickson

Damaisari@polipd.edu.my

Abstrak

Pemasaran perkhidmatan merupakan salah satu modul yang ditawarkan dalam program Diploma Pemasaran di Politeknik Port Dickson. Pemasaran perkhidmatan adalah modul yang melibatkan teori dan imaginasi kerana sifat perkhidmatan tidak ketara sukar diterangkan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini membincangkan tajuk kesan pembelajaran berasaskan masalah berorientasikan projek (POPBL) dalam pembelajaran dan pengajaran kursus Pemasaran Perkhidmatan di Politeknik Port Dickson. Penekanan dalam kertas kerja ini lebih kepada modul Pemasaran Perkhidmatan yang menggunakan pendekatan POPBL dalam kursus dan bagaimana pendekatan tersebut dapat memberi impak kepada pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap modul ini. Kajian ini dijalankan di Politeknik Port Dickson yang melibatkan 40 orang pelajar yang dipilih secara daripada pelajar-pelajar semester enam (6) Diploma Pemasaran. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrument soal selidik dengan skala 5 mata bagi mengukur kesan POPBL dalam pembelajaran dan pengajaran Pemasaran Perkhidmatan terhadap pelajar. Dapatan menunjukkan 97.5 % responden menyetujui pernyataan bahawa kaedah POPBL berkesan dimana kaedah ini berjaya membantu responden memahami dan mendalami sesuatu pelajaran malah pembelajaran berasaskan projek memantapkan kemahiran komunikasi mereka.

Kata kunci: modul pemasaran perkhidmatan



Sumber Pengetahuan Guru Bola Sepak Sekolah: Satu Keperluan

Ahmad Najib Bin Abd Razak

Universiti Pendidikan Sultan Idris

najibrazak30@yahoo.com**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah sumber pengetahuan rasmi guru sekolah apabila melatih pasukan bola sepak sekolah mereka. Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian kualitatif dengan metod *Grounded Theory* (Strauss & Corbin, 1990) digunakan sebagai pilihan. Satu instrument soalan temubual telah dibina oleh penyelidik. Seramai tujuh orang guru di daerah Zon Keramat telah dipilih secara *snowball sampling* dalam kajian ini. Hasil transkrip temubual dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti melalui pengekodan *open coding*, *axial coding* dan *selective coding*. Hasil dapatan mendapati bahawa kesemua tujuh orang guru sekolah yang melatih pasukan bola sepak sekolah mereka amat memerlukan satu modul latihan bola sepak mengikut kategori umur tertentu kerana selama ini mereka melatih pasukan bola sepak tanpa modul latihan yang rasmi disediakan oleh pihak berwajib. Modul latihan bola sepak tersebut haruslah mempunyai elemen (1) komponen kecergasan fizikal, (2) periodisasi latihan, (3) objektif katogeri umur, (4) taktikal permainan dan (5) pelbagai jenis latihan bola sepak. Bert Van Lingen (2016) menyatakan bahawa melatih pasukan bola sepak tanpa modul akan membuang masa guru dan murid serta objektif kategori umur tersebut tidak akan tercapai. Maka, pihak berwajib haruslah menghasilkan satu modul latihan yang terdiri dari pelbagai kategori umur tertentu mengikut objektif kategori umur pada pasukan bola sepak tersebut agar modul tersebut dijadikan sebagai alternative buat guru untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka.

Kata kunci: Kejurulatihan, bola sepak, modul latihan bola sepak, periodisasi latihan



018:

Pembangunan Isyarat-Isyarat Terminologi Kursus Rekabentuk Grafik Untuk Pelajar Berkeperluan Khas Di Malaysia

M. A. Ismalyza¹, Rohaidah Binti Mohd Yusoff², Khatijah Binti Md. Saad³

Politeknik Ibrahim Sultan, Johor

ismalyza69@gmail.com¹, eidaeusoff2016@gmail.com², tiram37@hotmail.com³

Abstrak

Mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif adalah amat penting bagi pelajar berkeperluan khas (ketidakupayaan pendengaran) kerana keterbatasan komunikasi antara mereka dengan pensyarah. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan membangunkan terminologi baru untuk meningkatkan kefahaman para pelajar bagi kursus dalam program Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik. Pembangunan isyarat- isyarat terminologi ini merangkumi tiga fasa utama; kenalpasti istilah dan pembangunan isyarat-isyarat terminologi, dokumentasi, penilaian dan penerbitan. Dapatan kajian menunjukkan tiga kumpulan utama isyarat-isyarat terminologi dapat dihasilkan iaitu terminologi grafik, peralatan dan bahan, multimedia dan ICT. Penghasilan isyarat-isyarat terminologi baru ini mampu memberi impak yang besar dalam membantu meningkatkan kemahiran menggunakan bahasa isyarat dalam bidang grafik. Ia dapat membantu keselarasan komunikasi antara pelajar, pengajar dan individu yang terlibat secara langsung dengan golongan berkeperluan khas ini.

Kata kunci: Bahasa Isyarat, Pelajar Berkeperluan Khas, Rekabentuk Grafik, Terminologi



023:

Inovasi 2.1 Matric S.T Block Rulers Dalam Alat Bantu Mengajar (ABM) Bagi Program Fesyen, Politeknik Ibrahim Sultan Dan Kolej Komuniti

Nurrul Asmar Binti Azhan
Politeknik Ibrahim Sultan

herykalmaiy@gmail.com

Abstrak

Inovasi 2.1 Matric S.T Block Rulers adalah pembaris yang mengabungkan pola skirt dan seluar wanita yang mempunyai pelbagai ukuran iaitu S, M dan L dalam kaedah terkini bagi Alat Bantu Mengajar (ABM). Inovasi ini penting bagi tenaga pengajar memastikan penyampaian maklumat berkaitan dengan kursus yang diajar lebih jelas dan sistematik serta dapat di ikuti oleh pelajar dengan lebih baik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan inovasi 2.1 Matric S.T Block Rulers sebagai ABM dalam P&P di Politeknik Ibrahim Sultan dan Kolej Komuniti, Pasir Gudang di bawah program Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian (DFP), Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP, K.K) dan Sijil Kemahiran Rekaan Fesyen dan Pakaian (KFP, Khas). Inovasi gabungan Pembaris 2.1 Matric S.T Block Rulers ini di gunakan dalam kursus (DVF6015 Fashion Project) DFP, kursus (SVF 3016 Projek Fesyen, Sijil Khas), dan Pakaian Kontemporari Wanita 3 (SFP, Kolej Komuniti). Kajian ini di ukur dari aspek kemahiran ketepatan pola, masa dan keberkesanan produk bagi memenuhi kemahiran insaniah dan pembelajaran secara sendiri melalui tugas dan projek. Kajian ini melibatkan 64 orang responden iaitu terdiri daripada pelajar-pelajar JRKV, Politeknik Ibrahim Sultan dan pelajar Kolej Komuniti Pasir Gudang. Kajian ini di jalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif. Secara keseluruhan inovasi 2.1 Matric S.T Block Rulers, 100 peratus dapat membantu pelajar dari segi kemahiran dalam ketepatan membuat pola, menjimatkan masa dalam pembuatan pola skirt dan seluar dengan menggunakan pelbagai ukuran. Pelajar sangat berpuas hati dengan pendekatan inovasi ini dalam kaedah terkini sebagai Alat Bantu Mengajar. Ini adalah kerana ia bertepatan dengan era masa kini.

Kata kunci : ABM, Inovasi 2.1 Matric S.T Block Rulers, Ketepatan Pola, Penjimatan Masa.



027:

Persepsi Pelajar Politeknik Nilai Semester Akhir Disember 2018 Terhadap Pelaksanaan Program Diploma Hortikultur Landskap

¹Mohd Ashraf bin Ngah, ²Wan Fadhilah Bin Wan Hitam, ³Muhd Arif Nubli Bin Shafie
Politeknik Nilai

Abstrak

Kajian yang dijalankan berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah diskriptif. Kajian diskriptif ini sesuai digunakan dalam penyelidikan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku di dalam sesebuah populasi. Penyelidikan diskriptif ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar Politeknik Nilai semester akhir Disember 2018 terhadap pelaksanaan program Diploma Hortikultur Landskap. Populasi kajian adalah semua pelajar tahun akhir semester 6 bulan Disember 2018. Sampel kajian adalah seramai 63 orang pelajar yang mengikuti kursus ini sebagai responden. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik skala likert 5 mata yang dibina berdasarkan aspek yang telah dinyatakan dalam Instrumen Pemastian Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Dua (2003). Data –data yang dikumpul adalah menggunakan kertas soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian computer *Statistical Package For Social Science (SPSS versi 17.0)* serta dianalisis melalui peratusan kekerapan dan min. Hasil kajian yang dijalankan mendapati persepsi pelajar politeknik nilai semester akhir Disember 2018 terhadap pengetahuan pensyarah adalah min 4.60, kemahiran pensyarah adalah min 4.66, abiliti pensyarah adalah min 4.54, kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran adalah min 4.43, keadaan fizikal bengkel/studio adalah min 4.50 dan faktor minat pelajar adalah min 4.68. pada keseluruhan aspek mendapati persepsi persepsi pelajar politeknik nilai semester akhir Disember 2018 terhadap pelaksanaan program Diploma Hortikultur Landskap adalah berada di tahap yang tinggi iaitu pada min 4.57

Kata kunci: Persepsi Pelajar Politeknik Nilai Semester Akhir Disember 2018 Terhadap Pelaksanaan Program Diploma Hortikultur Landskap

029:

***Polytechnic And Social Responsibility (PSR)* Dalam Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Setempat**

Hanizam Bin Hussin¹, Khatijah Binti Md. Saad²

^{1,2} Politeknik Ibrahim Sultan

¹hanizam1977@yahoo.com, ²tiram37@hotmail.com

Abstrak

Polytechnic and Social Responsibility (PSR) merupakan salah satu program khidmat masyarakat di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) yang melibatkan tiga komponen utama iaitu pensyarah, pelajar dan pembantu teknikal. Tujuan dan objektif program ini dijalankan adalah untuk membantu masyarakat setempat dalam meningkatkan kualiti kehidupan dengan persekitaran yang lebih baik. Oleh itu PSR, PIS yang diwakili oleh 10 orang pensyarah, 22 orang pelajar dan empat orang pembantu teknikal dengan kerjasama Exco Majlis Perbandaran Pasir Gudang (DUN Tiram) telah memilih tujuh keluarga mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Segala aktiviti sepanjang program telah direkodkan melalui kaedah pemerhatian dan nota lapangan. PSR program telah berjaya meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat yang melibatkan tujuh keluarga dalam kerja-kerja menaiktaraf dari aspek pendawaian semula, kebersihan, keceriaan dan baik pulih kerosakan kecil pada setiap rumah yang terpilih. Secara keseluruhannya PSR telah menunjukkan kejayaan tiga komponen iaitu pelajar, pensyarah dan pembantu teknikal dari aspek komunikasi, kerja berpasukan dan tanggungjawab sesama manusia dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

Kata Kunci : PSR, masyarakat setempat, kualiti hidup

Meningkatkan Kecemerlangan Pengajaran melalui *Lesson Study*Zuraidah binti Ahmad¹, Nurulzamrina binti Ahmad² & Noor Darliza bt. Mohammad Zamri³^{1,3}Politeknik Port Dickson²Politeknik Sultan Azlan Shah**zuraidahahmad@polipd.edu.my, nurulzamrina@psas.edu.my, darliza@polipd.edu.my****Abstrak**

Artikel ini membentangkan usul bagi meningkatkan kecemerlangan pengajaran di politeknik dengan menggunakan pendekatan *Lesson Study (LS)*. LS adalah model pembangunan professional pendidik yang berasal dari Jepun. Dalam proses LS, sekumpulan pendidik secara sistematik mengkaji amalan pendidik dengan matlamat untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif. Ia bermula dengan mengenal pasti unit pelajaran tertentu yang mempunyai isu dalam proses PdP. Sehubungan itu, satu matlamat ditetapkan bagi memberikan fokus dan halatuju kajian. Seterusnya, proses merancang, mengajar, memerhati, dan menilai unit pelajaran tersebut dilaksanakan. Proses ini dilakukan secara berulang. Akhirnya, laporan kajian dihasilkan dan dapatan LS dikongsikan dengan golongan pendidik yang lain. Pendekatan LS ini dapat menggembeng pengetahuan dan kemahiran pedagogi dalam kalangan pendidik. Ia memberikan peluang kepada pendidik untuk berkolaboratif bagi menangani kesukaran yang dihadapi dalam pengajaran unit pelajaran atau metodologi. Sehubungan itu, pendekatan ini dijangka dapat memberikan manfaat dalam meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajaran pelajar. Cadangan berkaitan pelaksanaan LS di Politeknik Malaysia akan dibincangkan dalam artikel ini.

Kata Kunci: *Lesson study*; peningkatan profesionalisme; pendidik; pelajar; politeknik.



037:

Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Pembangunan Modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Sains Sekolah Rendah : Pandangan Pakar

Mohd Nazri Hassan¹, Nik Azmah Nik Yusoff²

¹Ipg Kampus Tg Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang

²Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak

¹crvnazri@gmail.com

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai pembangunan modul kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran sains sekolah rendah. Ianya bertujuan untuk membangunkan modul pengajaran sains dengan penerapan elemen KBAT sejajar dengan keperluan guru-guru sains. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan kesahihan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam modul tersebut untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi, meningkatkan penguasaan kemahiran proses sains, meningkatkan minat terhadap sains serta meningkatkan pencapaian murid melalui pengajaran sains di dalam bilik darjah. Ini adalah metodologi penyelidikan kuantitatif, untuk menentukan konsensus pakar melalui soal selidik. Seramai 10 orang pakar telah terlibat sebagai panel pakar dalam kajian ini. Pakar adalah mereka yang telah bekerja sebagai guru selama lebih dari sepuluh tahun, pensyarah universiti dan pensyarah Institut Pendidikan Guru yang telah terlibat secara langsung dengan pengajaran sains dan pembangunan modul. instrumen terdiri daripada tujuh elemen merangkumi kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran proses sains, pencapaian dan minat murid terhadap sains bagi mendapatkan konsensus pakar. Semua data dianalisis menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi*. Keputusan menunjukkan bahawa semua aktiviti yang dirancang untuk meningkatkan konsep diri memenuhi kriteria kelulusan sebagai peratusan perjanjian ahli lebih daripada 75%, sedangkan nilai ambang (*d* membina) adalah kurang daripada 0.2. Dapatan ini menunjukkan bahawa pakar konsensus mengenai keperluan elemen-elemen yang telah dipilih dalam pembangunan modul KBAT dalam sains adalah tinggi. Ia dipercayai membantu meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran proses sains, minat dan pencapaian dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Dapatan kajian ini memberikan maklumat kepada guru-guru sains di sekolah rendah tentang aktiviti yang sesuai untuk peningkatan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid.

Kata kunci: Kemahiran berfikir aras tinggi, panel pakar, sains, Teknik “*Fuzzy Delphi*”



039:

Konsensus Pakar Terhadap Item Elemen Gangguan Model Psikologi Komunikasi Isteri Bermadu Mengurus Konflik Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

Mariam Abd Majid¹, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah¹, Sahlawati Abu Bakar¹, Mohd Ridhuan Mohd Jamil², Salasiah Hanin Hamjah³, Zulkefli Aini³ & Naqibah Mansor¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

²Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

³Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

¹mariam@kuis.edu.my, ¹yusufmarlon@kuis.edu.my, ¹sahlawati@kuis.edu.my,
²ridhuan@polinilai.edu.my, ³salhanin@ukm.edu.my, ³zulkefli@ukm.edu.my,
¹mansornaqibah@gmail.com

Abstrak

Proses komunikasi berpotensi untuk gagal ekoran gangguan yang berlaku. Gangguan adalah satu bentuk halangan di antara penyampai dan penerima. Ia mengakibatkan kesan negatif dalam perhubungan dan lebih serius lagi boleh menjadi punca keretakan hubungan. Artikel ini mengemukakan konsensus pakar terhadap item-item yang dikategorikan sebagai elemen gangguan dalam model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga menurut perspektif Islam. Melalui soroton lampau, 18 item telah dikenal pasti sebagai gangguan. Kajian ini menggunakan 7 skala likert untuk mengenal pasti kesesuaian item berdasarkan konsensus pakar. Item-item tersebut dinilai dan disahkan oleh 10 orang pakar yang terdiri daripada 4 orang yang mempunyai pengalaman poligami melebihi 5 tahun, seorang pegawai JAIS dari Bahagian Undang-undang Keluarga, seorang pegawai JAKIM dari Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, dan 4 orang pensyarah IPTA yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah, komunikasi, kaunseling dan psikologi Islam. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Keputusan kajian berdasarkan kesepakatan pakar mendapati, daripada 18 item, dua ditolak kerana tidak menepati syarat. Satu item ditolak kerana nilai *threshold* lebih daripada 0.2 dan peratusan pakar kurang daripada 75%, sementara satu item lagi hanya kerana nilai *threshold* lebih daripada 0.2. Baki 16 item selebihnya menunjukkan kesepakatan pakar sebagai elemen gangguan dalam model ini. Dapatan kajian ini bermanfaat dijadikan rujukan dan panduan kepada keluarga bermadu untuk mengurus konflik rumah tangga bermadu.

Kata kunci: Konsensus Pakar, Gangguan, Model Psikologi Komunikasi, Isteri Bermadu, & Kaedah *Fuzzy Delphi*



040:

Kesediaan Pelajar Menyesuaikan Diri Di Politeknik Metro Kuala Lumpur

Norhuda Mohd Arshad, Halimatul Sa'adiah Ahmad & Rushidah Md. Rosdi

Politeknik METrO Kuala Lumpur

norhuda@pmkl.edu.my, halimahtul@pmkl.edu.my, rushidahrosdi.pmkl@gmail.com

Abstrak

Sistem pendidikan tinggi merupakan alam baharu bagi pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang berjaya menempatkan diri di institusi pendidikan tinggi khususnya di Politeknik. Oleh itu, para pelajar perlu menyesuaikan diri dengan suasana baharu dalam tempoh pengajian seperti menghadiri kuliah, terlibat dalam pelbagai program anjuran politeknik dan hidup berdikari. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor penyesuaian diri dalam kalangan pelajar semester dua Politeknik METrO Kuala Lumpur berdasarkan empat (4) elemen iaitu penyesuaian akademik, penyesuaian sosial, penyesuaian emosi peribadi dan Komitmen Matlamat/perapatan institusi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif jenis tinjauan dan instrumen diadaptasi dari 'Student Adaptation to College Questionnaire' (SACQ). Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science* (SPSS) untuk mengukur pemboleh ubah yang dikaji. Hasil dapatan daripada kajian ini menunjukkan skor min penyesuaian diri pelajar di politeknik. Dapatan kajian ini dapat membantu para pensyarah mengenal pasti perubahan-perubahan yang berlaku kepada para pelajar dan dapat mewujudkan sistem sokongan yang berkesan di Politeknik METrO Kuala Lumpur.

Kata Kunci: Adaptasi, Pendidikan Tinggi, Kesediaan, Penyesuaian diri, pelajar



041:

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Santubong Dalam Pemilihan Bidang Sijil Teknologi Elektrik

Wee Chiau Yen¹, Lenny Lai Mei Lan², Norhidayah binti Morsalin¹

¹Kolej Komuniti Santubong, Sarawak

²Kolej Komuniti Mas Gading, Sarawak

chiauyen892012@gmail.com, lenny_1179@yahoo.com, hidayahhj@yaho.com

Abstrak

Kajian awal telah dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar kolej Komuniti Santubong memilih Teknologi Elektrik sebagai bidang pengajian di peringkat Sijil. Kajian ini melibatkan 56 orang pelajar semester pertama, semester 2 dan semester 4. Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah jenis tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Seterusnya, data-data ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Skor min digunakan untuk menganalisis dapatan bagi semua item yang dibangunkan. Kajian ini melibatkan tujuh faktor yang mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan bidang sijil Teknologi Elektrik. Di antaranya termasuklah minat, pengaruh tv, pengaruh bahan bacaan berkaitan teknologi elektrik, suka mata pelajaran kemahiran, pemilihan atas kehendak sendiri, pemilihan atas kehendak keluarga dan kepentingan dalam kerjaya pada masa akan datang. Hasil dapatan kajian mendapati faktor minat matapelajaran kemahiran merupakan faktor paling dominan mempengaruhi pelajar memilih bidang Sijil Teknologi Elektrik dengan dapatan skor min sebanyak 4.80 diikuti faktor kepentingan dalam kerjaya pada masa akan datang (skor min = 4.78). Skor min paling rendah ialah pemilihan atas kehendak keluarga iaitu sebanyak 3.14. Kajian demografi menunjukkan majoriti pelajar yang mengikuti pengajian program SKE merupakan graduan SPM aliran sastera.

Kata Kunci: Faktor, Pemilihan, Teknologi Elektrik, & Minat



042:

Hubungan Antara Status Bekerja Graduan Dengan Kursus Pengajian Di Kolej Komuniti Negeri Sarawak

Wee Chiau Yen¹, Lenny Lai Mei Lan², Azreen Bin Jaafar¹

¹Kolej Komuniti Santubong, Sarawak

²Kolej Komuniti Mas Gading, Sarawak

¹chiauyen892012@gmail.com, ²lennylml@kkmas.edu.my, ¹azreenambi@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola graduan yang bekerja dalam bidang dan bukan bidang mengikut kursus pengajian, taraf jawatan, kumpulan pekerjaan dan pendapatan bulanan. Selain daripada itu, kajian ini juga bagi menentukan sama ada terdapat hubungan antara pelajar yang bekerja dalam bidang dan bukan bidang dengan kursus pengajian. Dapatan kajian ini diperoleh melalui soal selidik Kajian Pengesanan Graduan TVET 2018. Sampel kajian merupakan graduan Kolej Komuniti Negeri Sarawak iaitu seramai 288 responden di mana hanya melibatkan responden yang berkerja sahaja. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 23.0. Hasil kajian mendapati pelajar yang paling ramai bekerja dalam bidang adalah dari Sijil Kulinari, bertaraf tetap, dan mendapat gaji kurang daripada RM1500 sebulan. Manakala, 23.7% pelajar dari Sijil Pelukis Pelan Senibina tidak bekerja dalam bidang. Walaupun bertaraf tetap tetapi masih ramai yang bertaraf sementara dengan gaji kurang daripada RM1500. Selain daripada itu, wujudnya hubungan antara pelajar yang bekerja dalam bidang dan bukan bidang dengan kursus pengajian. Kesimpulannya, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan peratus pelajar sijil kolej komuniti untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka.

Kata kunci: Graduan, Bekerja, Bidang & Kursus Pengajian.



046:

Reka Bentuk Pengajaran Dalam Pembangunan Modul Bagi Mata Pelajaran Mekanisasi Agro Di Kolej Vokasional

Siti Aisyah Binti Othman

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Analisis ini menghuraikan tentang proses yang berlaku dalam pembangunan modul. Ia melibatkan proses mengenalpasti model reka bentuk modul pengajaran dengan memperincikan setiap fasa dan langkah-langkah yang berkenaan. Maka, kajian literatur berkaitan reka bentuk pengajaran dijalankan bagi melihat jurang yang terdapat dalam setiap model reka bentuk tersebut. Analisis ini dilakukan secara sistematik bagi tujuan mengkaji dan mensintesis kajian untuk menghasilkan satu analisis yang komprehensif terhadap 30 bahan berwasit. Data analisis ini dikumpulkan daripada beberapa pengkalan data seperti Educational Resources Information Centre (ERIC), Google Scholar and Google Search bagi mendapatkan bahan berwasit. Tempoh pemilihan bahan berwasit adalah dalam lingkungan lima tahun terkini iaitu 2014 – 2018. Terdapat beberapa perbezaan dalam setiap model reka bentuk pengajaran dengan melibatkan langkah-langkah tertentu untuk membangunkan modul yang baik dan efektif.

Kata Kunci : Reka Bentuk Pengajaran, Model Pengajaran, Pembangunan Modul dan



051:

Ketagihan Penggunaan Telefon Pintar Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Di Dalam Kelas

Siti Nor Lailiyah Binti Ibrahim
Yusmaria Binti Mohd Yusoff

Kolej Komuniti Jelebu
Kolej Komuniti Hulu Langat
snlailiyah@gmail.com, yusmaria10@gmail.com

Abstrak

Ketagihan penggunaan telefon pintar pelajar di dalam kelas di kalangan pelajar kolej komuniti adalah amat membimbangkan. Kajian yang telah dijalankan kepada pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat dan Kolej Komuniti Jelebu menunjukkan bahawa penggunaan telefon pintar ini tidak terkawal. Seramai 140 orang pelajar berlainan kursus terlibat dalam sampel kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk memastikan tahap penggunaan telefon pintar dapat dikawal semasa di dalam kelas supaya pelajar tidak terlalu menumpukan kepada skrin telefon pintar (*whatapps, telegram, video, games* dan lain-lain). Hasil keseluruhan menunjukkan bahawa penggunaan telefon pintar dapat dikawal oleh pengajar/pensyarah jika beberapa aspek di ambil berat seperti mengetatkan peraturan di dalam kelas, memastikan pelajar menyimpan atau meletak telefon pintar di dalam kotak yang disediakan serta mengenakan denda jika menggunakan telefon pintar. Ini perlu supaya ketagihan penggunaan telefon pintar ini dapat dikawal semasa di dalam kelas. Apabila ketagihan ini dapat dikawal pelajar dapat menumpukan perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan.

Kata kunci : ketagihan, telefon pintar, kelas



056:

Kesediaan Pelajar Unit Hotel dan Katering, Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Sebelum Menjalani Latihan Industri

Nurul Farhana Binti Othman¹, Nazuha Binti Mohd Zahari¹ & Harina Binti Zainal¹

¹KolejKomuniti Bukit Beruang, Melaka

¹nurulfa87@gmail.com, ¹nazuha2202@yahoo.com , ¹hairinaz86@yahoo.com

Abstrak

Latihan Industri merupakan salah satu modul yang wajib diambil oleh setiap pelajar Kolej Komuniti seluruh Malaysia untuk melayakkan mereka dianugerahkan Sijil Kolej Komuniti. Namun begitu, prestasi pelajar semasa menjalani latihan industri sebelum ini seringkali membimbangkan. Ini kerana rungutan dan respon negatif dari pihak majikan terhadap pelajar tidak memuaskan, sekaligus memberikan prestasi yang tidak baik terhadap kolej. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kesediaan pelajar yang menggunakan kurikulum baru iaitu semester tiga sesi Jun 2018 Unit Hotel dan Katering, Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka bagi Sijil Kulinari dan Sijil Operasi Perhotelan sebelum menjalani latihan industri. Kajian ini terdiri dari tiga objektif iaitu: (i) Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar dari segi pengetahuan tentang kandungan kursus; (ii) Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar dari segi kemahiran sebelum ke latihan industri; (iii) Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar dari segi sahsiah dan personaliti diri sebelum ke latihan industri. Satu set borang soal selidik diberikan kepada 48 orang yang akan menjalani latihan industri pada semester empat yang akan datang. Data yang di perolehi telah di analisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 23.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi perspektif pelajar mereka bersedia dari aspek sahsiah dan personaliti diri, pengetahuan serta kemahiran sebelum menjalani latihan industri. Namun begitu, ini masih lagi persepsi awal pelajar sebelum menjalani latihan industri. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan agar suatu kajian lanjutan dijalankan untuk mengkaji persepsi majikan terhadap pelajar Unit Hotel dan Katering, Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka semasa menjalani latihan industri kelak. Dari situ, pandangan industri terhadap tahap kesediaan pelajar dengan keperluan industri dapat dilihat.

Kata kunci : kesediaan, latihan industri, Pelajar Unit Hotel dan Katering.

060:

Kesediaan Pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan (Spp) Kolej Komuniti Bagan Serai Terhadap E-Pembelajaran

Shuriyani binti Abdul Rahim¹,

¹Kolej Kumuniti Bagan Serai, Perak

surishuriyani@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan pelajar SPP, Kolej Kumuniti Bagan Serai terhadap e-pembelajaran dari segi tahap pengetahuan, sikap dan motivasi. E-pembelajaran merupakan satu set aplikasi dan proses yang merangkumi pembelajaran berasaskan computer, digital, sesawang dan maya. Kajian kuantitatif ini dijalankan dengan menggunakan instrument soal selidik yang merangkumi seramai 33 orang responden. Pelajar ini dipilih secara rawak dari semester satu hingga semester tiga. Data yang diperolehi daripada soal selidik ini telah dianalisis dengan menggunakan *IBM SPSS Statistics* untuk mendapatkan nilai skor min. Hasil dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah iaitu tahap pengetahuan, sikap dan motivasi pelajar mendapat skor yang tinggi iaitu 3.84, 4.06 dan 4.20. Secara keseluruhannya, kajian mendapati tahap kesediaan pelajar SPP, Kolej Komuniti Bagan Serai berada pada tahap tinggi terhadap penggunaan e-pembelajaran. Kajian ini membantu pensyarah dan pihak pengurusan berkaitan dengan maklumat e-pembelajaran dan secara tidak langsung dapat membantu dalam membuat keputusan berkaitan e-pembelajaran.

Kata kunci: e-pembelajaran, pembelajaran atas talian, tahap pengetahuan, sikap, motivasi, *e-learning*



Kajian Potensi Pelajar Dalam Membudayakan Keusahawanan: Tinjauan di Kolej Komuniti Ampang

Herlina Binti Miur Zabidin¹, Norhidayah Binti Jamaludin²

¹Unit Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Ampang

²Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran, Kolej Komuniti Ampang

herlina@kkampang.edu.my, nor.hidayah@kkampang.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji potensi dalam kalangan pelajar terhadap membudayakan keusahawanan di Kolej Komuniti Ampang (KKAS). Ini kerana pelajar adalah pemangkin dalam melahirkan usahawan yang berdikari dan berupaya membina kerjaya sendiri. Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan di mana responden dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar jabatan induk iaitu seramai 87 orang. Manakala instrumen yang diguna ialah soal selidik skala likert lima mata. Soal selidik telah diedarkan bagi tujuan mendapatkan maklumbalas mengenai persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran keusahawanan, faktor kesediaan pelajar mengendalikan program keusahawanan berasaskan praktikal atau projek keusahawanan serta potensi yang dimiliki pelajar dalam membudayakan keusahawanan. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan pakej perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 21.0 melalui kaedah deskriptif. Seterusnya dipersembahkan melalui peratus, skor min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa min (3.722) bagi persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran keusahawanan adalah tinggi, manakala faktor kesediaan pelajar dalam mengendalikan program keusahawanan berasaskan praktikal juga tinggi dengan nilai min (3.844). Seterusnya dapatan kajian juga memaparkan bahawa skor min (3.918) adalah tinggi bagi potensi pelajar membudayakan keusahawanan. Manakala korelasi hubungan antara min potensi pelajar dengan min persepsi pelajar serta min potensi pelajar dengan min kesediaan pelajar mempunyai hubungan kuat. Tiada perbezaan potensi pelajar di antara jantina ($t=0.012$, $p>0.05$) dan terdapat perbezaan potensi pelajar bagi bidang pengajian ($f=5.551$, $p<0.05$). Kesimpulan yang dapat dibuat adalah potensi yang dimiliki pelajar memberikan hubungan yang kuat terhadap pembudayaan keusahawanan di KKAS dengan turut mengambilkira kesediaan pelajar sendiri bagi mengendalikan program keusahawanan.

Kata kunci: potensi pelajar, membudayakan keusahawanan, kolej komuniti ampang



074:

Kepentingan Warna Terhadap Perkembangan Kognitif Dan Emosi Kanak-Kanak

Siti Khadijah binti Anis¹, Alias bin Masek² & Irwan Mahazir bin Ismail³

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor¹²

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang³

khadijah4244@gmail.com¹, aliasmasek@uthm.edu.my², irwan_mahazir@usm.my³

Abstrak

Warna memberi kesan yang positif terhadap kanak-kanak terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kepentingan warna terhadap kanak-kanak telah dibuktikan melalui kajian-kajian yang lepas. Penggunaan warna yang diterapkan dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran adalah sangat penting dalam membantu perkembangan kognitif dan emosi kanak-kanak. Selain itu, warna yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran juga mempengaruhi umur dan jantina kanak-kanak. Namun demikian, kepentingan penggunaan warna dalam setiap aktiviti pembelajaran terhadap kanak-kanak tidak dinyatakan dengan jelas. Kajian literatur ini akan menjelaskan tentang kepentingan penggunaan warna terhadap perkembangan kognitif dan emosi kanak-kanak. Selain itu juga, kajian ini akan menjelaskan pengaruh penggunaan warna dalam aktiviti pembelajaran terhadap umur dan jantina. Oleh yang demikian, implikasi kajian ini akan dapat menjelaskan kepentingan penggunaan warna dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas terhadap perkembangan kognitif dan emosi kanak-kanak serta kepentingan warna yang digunakan terhadap umur dan jantina kanak-kanak. Secara keseluruhannya kajian ini dapat membantu guru terhadap penggunaan dan pemilihan warna dalam aktiviti pembelajaran dalam menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kata kunci : Warna, Perkembangan Kognitif, Perkembangan Emosi, Kanak-Kanak, Umur, Jantina, Aktiviti Pembelajaran



077:

Permasalahan Pengurusan Pelajar Dalam Menghasilkan Projek Akhir Bagi Kursus Senireka Fesyen 2

Nor Syamiza Binti Ab Rashid

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

syamiza@kkbbm.edu.my

Abstrak

Penghasilan projek akhir merupakan keperluan penilaian di dalam kursus Senireka Fesyen 2 khususnya pelajar semester 4 Sijil Fesyen dan Pakaian. Di dalam modul ini pelajar perlu menyediakan produk akhir iaitu pakaian dan tugas-tugas tertentu untuk dibentangkan pada hari penilaian. Namun begitu, didapati segelintir pelajar tidak berjaya menguruskan masa dengan baik sewaktu menghasilkan tugas-tugas tersebut dan sekaligus memberi kesan kepada hari pembentangan. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan masa pelajar dalam menghasilkan projek akhir kursus Senireka Fesyen 2 dan mengenalpasti langkah-langkah dalam mengatasi sikap membuat tugas di saat akhir. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik berskala likert 5 mata. Sampel kajian ini adalah seramai 50 orang pelajar semester 4 sesi Julai dan November 2018 yang mewakili keseluruhan populasi. Data yang dikumpul telah di analisa untuk mendapatkan keputusan peratus dan min dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 23.0. Hasil kajian menunjukkan terdapat masalah yang paling dominan iaitu dari segi pembahagian masa, sikap dan kemahiran dalam memenuhi kehendak penilaian kursus Senireka Fesyen 2. Kajian ini diharap dapat menambahkan baik pengurusan masa dalam kalangan pelajar dan seterusnya sebagai persediaan waktu kerja yang berkualiti untuk kerjaya pada masa akan datang.

Kata kunci: Pengurusan Masa, Pelajar Senireka Fesyen 2

079:

Perhubungan kualiti antaramuka dan kualiti maklumat terhadap penggunaan video pembelajaran imersif dalam kalangan generasi melinia.

Azalinda binti Mat Saad¹

¹Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

¹azalindapns@gmail.com

Abstrak

Pembelajaran imersif merupakan suasana pembelajaran bermakna yang mana pelajar terlibat secara aktif dan menghayati kandungan yang dipelajari sama ada dalam konteks simulasi ataupun keadaan sebenar. Video i360 Promotion Tools yang mengandungi alat promosi yang diaplikasikan di Home Pro IOI Mall, Putrajaya mengabungkan teknologi Virtual Realiti dan interaktif bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perhubungan faktor kualiti antara muka (warna, gambar, suara dan butang) dan faktor kualiti maklumat terhadap penggunaan video imersif Promotion Tools dalam kalangan pelajar Diploma Pengurusan Peruncitan Politeknik Nilai. Kajian ini meliputi 3 faktor iaitu kualiti maklumat, kualiti antaramuka dan penggunaan video imersif tersebut. 23 kaji selidik telah diedarkan kepada pelajar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan min dan kolerasi pearson. Dapatan kajian mendapati tahap penerimaan pelajar adalah tinggi terdapat setiap faktor. Terdapat hubungan yang signifikan diantara kualiti antaramuka dan kualiti maklumat terhadap penggunaan video i360 Promotion Tools. Kesimpulan pelajar akan menggunakan video jika maklumat dan antaramuka video ada berkualiti.

Kata kunci : Pembelajaran imersif, kualiti antaramuka, kualiti maklumat



081:

Penggunaan *Augmented Reality* (AR) di dalam Pendidikan: Aplikasi *Retail Store Interior*

Atiqah binti Mohamad Sani¹, Nur Aliyah Binti Azizi²,
Pushpalatha A/P Appanaidu³, Juhaida Binti Hassan⁴

Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

¹atiqah.sani@polinilai.edu.my, ²nur_aliyah@polinilai.edu.my,

³pushpalatha@polinilai.edu.my, ⁴juhaida@polinilai.edu.my

Abstrak

Penggunaan *Augmented Reality* (AR) kini bukan perkara yang baru. Penyelidikan eksperimen *Augmented Reality* di dalam pendidikan meningkat setiap tahun kebelakangan ini. Kombinasi Technology AR di dalam pendidikan dapat mewujudkan kandungan pengajaran lebih kreatif serta meningkatkan keberkesanan dan daya tarikan dalam pengajaran. Kajian ini mempertengahan aplikasi mudah alih yang menggunakan teknologi *Augmented Reality* di dalam pendidikan. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pembelajaran dalam bidang *Retail Store Interior* yang menggunakan teknologi *Augmented Reality* (AR) dengan mewujudkan objek model 3D bagi *fixtures* dan *layout*, serta video bagi *colours of lighting*. Perisian ini dibangunkan menggunakan model pembangunan Aplikasi Pesat (RAD) dan berbantuan Aplikasi Android SDK. Hasil kajian ini diterjemahkan dalam reka bentuk prototaip aplikasi pembangunan Aplikasi *Retail Store Interior* yang melalui proses mengimbas penanda untuk melihat 3D objek, animasi atau video. Pembangunan perisian ini diharap dapat membantu menyelesaikan masalah pelajar dalam memahami lebih lagi teori yang dipelajari.

Kata kunci: *Augmented Reality*, *Retail Store Interior*, *Augmented Reality* dalam pendidikan



085:

Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Fizikal Di Politeknik Nilai (PNS)

Nazri Idris
Nor Hayati Fatmi Talib
Somchai Enoi
Politeknik Nilai

Bani Hidayat Mohd Shafie
IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi

Abstrak

Kemudahan fizikal di sesebuah institusi pendidikan berperanan penting dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran serta kualiti kehidupan seseorang pelajar sepanjang pengajian. Kajian ini bertujuan melihat persepsi pelajar terhadap tahap 10 kemudahan fizikal di Politeknik Nilai dan melihat perbezaan persepsi berdasarkan program pengajian. Kajian dilaksanakan secara kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan melibatkan 603 sampel daripada populasi 2575 pelajar dengan menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada Syarifah Atifah et al (2013). Dapatan kajian di analisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian deskriptif secara keseluruhan menunjukkan bahawa 3 aspek kemudahan fizikal berada pada tahap tinggi iaitu kemudahan makmal, Pusat Sumber dan Pusat Islam. 7 aspek berada pada tahap sederhana kemudahan bilik kuliah, dewan kuliah, bengkel, ko-kurikulum, cafeteria, kamsis dan kemudahan asas. Dapatan secara inferensi (One-way ANOVA) pula menunjukkan terdapat perbezaan tahap persepsi berdasarkan program pengajian bagi aspek kemudahan fizikal dewan kuliah, makmal, bengkel, ko-lurikulum, cafeteria dan kamsis. Implikasi kajian ini, tindakan penambahbaikan wajar dilaksanakan bagi memastikan kualiti kemudahan fizikal dalam keadaan terbaik bagi menjamin pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kata kunci: Kemudahan Fizikal, Persepsi Pelajar, Pengajaran dan Pembelajaran, Institusi Pendidikan



088:

Digital Studio vs Conventional Studio in Teaching Architectural Design Process

Zaliha Senin, Nora Binti Ismail, Dr.Isham Shah Hassan
^aPort Dickson Polytechnic, N.Sembilan

Abstract

Design is a complex and open process. A designer starts the idea from an abstract form to a final idea in the form of a product to solve the design problem. At the early design stage discussion occurs regularly between students and lecturer to improve the design quality. The selection of a proper media for presentation is important in the design process to make sure the media selected has strong visual impact. CAD technology gives opportunity for students to use three dimensional digital models in the design process to develop good design concept. The digital model can decrease the aspect of abstraction on a design idea. The main objective of this study is to compare the development in the design activities between students that use digital studio and students that use conventional studio. The study had been done for four years on diploma architectural students at Port Dickson Polytechnic. All the semester six students had been selected as the sample for this study. The quasi experimental method was used to study the effect of integrating digital studio in the design process. The research outcome showed that significant difference between digital model product ($M=80.2$) compared to conventional product from the aspect of creativity, $t(238) = 9.198$ significant. This study shows that integration of digital studio in the learning process of design modules in polytechnic provides learning environment that ignites students to produce creative architectural design product.

Keyword: design process, digital, conventional, architecture

Pengurusan Bahan Buangan Projek Akhir Pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Nilai Negeri Sembilan

Noor Azlina Ahmad¹, Mohd Ridhuan Mohd Jamil²

¹Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

¹azlina_ahmad@polinilai.edu.my, ²ridhuan@polinilai.edu.my

Abstrak

